

TAJUK 1: SOALAN TUTORIAL

Anda dikehendaki membaca beberapa artikel, journal atau buku seni dalam pendidikan.

Senaraikan faedah mata pelajaran Seni Dalam Pendidikan kepada seorang pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terangkan faedah itu dan kepentingan seni dalam pendidikan di sekolah rendah dengan rujukan kepada teori pembelajaran. Jawapan anda hendaklah disokong dengan pandangan tiga orang tokoh dalam bidang ini.

Seni dalam pendidikan banyak memberi faedah kepada seseorang pendidik. Ini bagi membolehkan kita mengenalpasti keupayaan pemikiran kanak-kanak sebelum proses pembelajaran dapat dilaksanakan. Contohnya pandangan daripada Jan Komensky (1592-1670) yang dikenali juga dengan nama Comenius lepasan Universiti Heidelberg, Jerman, berpegang kepada teori berkenaan dengan persekitaran yang sesuai dengan prinsip-prinsip kesuburan dan perkembangan murid. Selaras dengan ini, kaedah pendidikan hendaklah berlandaskan peringkat kesuburan semulajadi dan kesediaan murid. Pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara beransur-ansur mengikut tahap kesuburan tertentu.

Comenius mencadangkan empat tahap kesuburan yang perlu diambil kira dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Tahap-tahap yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- i. bayi – ketika pendidikan secara tidak formal berlaku di rumah

- ii. kanak-kanak - yang menjalani pendidikan berbentuk formal di sekolah
- iii. Remaja – ketika mereka mempelajari bahasa latin
- iv. Belia – ketika mereka melanjutkan pendidikan di pusat pengajian tinggi.

Antara lain, Comenius juga mengemukakan beberapa prinsip pengajaran berbentuk induktif dan perhubungan logik:

- i. Pengajaran hendaklah melibatkan penggunaan idea atau objek yang konkrit. secara langsung bukan hanya melalui konsep atau simbol sahaja.
- ii. Pengajaran hendaklah mengandungi perkara-perkara harian.
- iii. Penyampaian perlu dibuat dengan cara yang mudah difahami.
- iv. Apa yang diajar hendaklah ada kaitannya dengan keadaan semulajadi yang sebenarnya.
- v. Prinsip-prinsip am diajar terlebih dahulu sebelum butir-butir diperincikan.
- vi. Pelajaran-pelajaran hendaklah disampaikan dengan cara yang teratur dan tersusun satu persatu.
- vii. Guru hendaklah memastikan bahawa murid telah memahami sesuatu pelajaran sebelum berpindah kepada pelajaran lain.
- viii. Perbezaan antara benda ataupun perkara hendaklah diajar supaya jelas pengetahuan yang diperolehi.

Comenius tidak bersetuju dengan hukuman dera di sekolah. Baginya sekolah adalah tempat yang meriangkan dan merangsangkan murid untuk belajar. Kanak-kanak tidak harus dipaksa belajar. Pengajaran dan pembelajaran hendaklah sesuai dengan keadaan semulajadi murid untuk memberikan kesan yang berfaedah.

Seni dalam pendidikan juga membolehkan kita meneroka keinginan dan kehendak kanak-kanak yang kurang gemar dengan kongkongan seperti pendapat daripada Jean-Jacques Rousseau (1712-1778), seorang perancis yang terkenal sebagai seorang ahli falsafah sosial dan pendidikan. Beliau terkenal dengan penulisannya "*Emile*" pada tahun 1762 yang menggambarkan pendidikan seorang budak lelaki dari peringkat bayi hingga dewasa dalam mana ia mengkritik pendidikan tradisional yang mengeneipkan minat dan kecenderungan semulajadi kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, ia membahagikan kesuburan kanak-kanak kepada lima peringkat.

Peringkat pertama, (bayi) dari lahir ke umur lima tahun merupakan anak yang amat bergantung penuh kepada orang lain. Ia memerlukan kebebasan bergerak dan melatih anggotanya.

Peringkat kedua, dari umur 5 ke 12 tahun, kanak-kanak bertambah kuat. Ia mula membentuk sahsiahnya sendiri apabila ia mula sedar bahawa tindakannya mempunyai akibat yang menyenangkan atau menyakitkan. Bagi Rousseau, pancaindera inilah guru pertama kanak-kanak. Pengalaman terus dengan persekitarannya lebih diutamakan.

Peringkat ketiga iaitu semasa pra-remaja, antara umur 12 hingga 15 tahun, kekuatan fizikalnya terus meningkat. Alam semulajadi digunakan untuk pembelajaran sains dan geografi. Dengan memerhatikan peringkat pertumbuhan dan pembesaran pokok-pokok dan haiwan, Emile mempelajari ilmu sains.

Peringkat keempat iaitu peringkat remaja, berumur 15-18 tahun. Pada peringkat umur ini dalam bukunya, Emile kembali kepada masyarakat. Apa jua soalan yang dikemukakan kepada tutornya perlu dijawab dengan jujur, kerana pada peringkat ini ia sudah mula terdedah kepada pendidikan berbentuk semulajadi, dia dianggap telah bersedia menghadapi dunia luar.

Peringkat kelima, berumur di antara 18 dan ke atas, Rousseau berpendapat bahawa seseorang itu telah cukup dewasa untuk mengetahui dan mengenal masyarakat, kerajaan, ekonomi dan perniagaannya.

Selain itu, seni dalam pendidikan juga membolehkan kita memperkembangkan kemahiran kanak-kanak melalui pengalaman dan penyelesaian masalah seperti pandangan John Dewey (1859-1952) seorang pendidik dan ahli falsafah berbangsa Amerika. Beliau memandang pendidikan sebagai satu aktiviti sosial. Maka, sekolah mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakatnya. Kanak-kanak selaku manusia sosial yang aktif ingin meneroka alam persekitarannya. Semasa mereka berbuat demikian, mereka menghadapi masalah sendiri dan masalah sosial. Dalam menghadapi masalah ini, kanak-kanak akan cuba menggunakan pemikiran untuk mengatasinya atau mencari penyelesaian.

Dewey merangka tiga peringkat aktiviti yang dapat digunakan di sekolah. Peringkat pertama, untuk kanak-kanak pra-sekolah melibatkan latihan pancaindera dan pembentukan koordinasi sosial. Peringkat kedua menggunakan bahan-bahan dan alat-

alat yang terdapat dalam persekitaran sekolah. Oleh itu, sekolah perlu melengkapkan persekitarannya dengan bahan-bahan yang dapat menarik minat kanak-kanak dan merangsang mereka untuk membentuk, membuat eksperimen dan percubaan-percubaan yang lain. Pada peringkat ketiga, kanak-kanak mula mendapat idea baru, menguji dan menggunakan idea ini. Apa yang terdapat dalam ketiga-tiga peringkat ini ialah pembelajaran yang bermula dengan impuls yang mudah dan pemerhatian yang teliti, perancangan dan pemikiran berkenaan akibatnya.

Dewey juga berpendapat bahawa pengetahuan bukanlah sesuatu yang beku, tetapi suatu alat untuk mengatasi masalah.